




PARLIMEN MALAYSIA



MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN

HARI KHAMIS: 20 NOVEMBER 2008

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 9, 11, 14, 15, 17 HINGGA 32)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8, 10, 12, 13,
DAN 16**

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN DING KUONG HIING [SARIKEI]

TARIKH : 20 NOVEMBER 2008

SOALAN :

Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah Kementerian bercadang memasukkan sungai-sungai di Negeri Sarawak diterapkan di bawah misi satu sungai, satu pelan dan satu pengurusan dan objektif Kerajaan supaya sungai tercemar dibaikpulih dan masalah banjir diatasi. Jika ada, bila Kerajaan akan melaksanakannya. Jika tiada nyatakan sebab-sebabnya.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sarawak terlibat dalam Program Pemuliharaan Satu Negeri Satu Sungai yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Di bawah program ini, Sg.Miri di Bahagian Miri telah dipilih sebagai sungai dari Sarawak dengan peruntukan sebanyak RM5 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Kerja-kerja membaikpulih Sg.Miri di bawah program ini sedang dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

NO: 11

SJ.B/(102)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN BIN
MOHAMED (PULAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.11.2008 SOALAN NO: 11

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada kelemahan pengurusan Kerajaan menjadi punca kepada kenaikan kadar inflasi atau ia disebabkan faktor-faktor lain. Sila jelaskan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kenaikan kadar inflasi tidak berpunca daripada kelemahan pengurusan Kerajaan, sebaliknya ia merupakan fenomena global akibat kenaikan ketara harga minyak mentah dan komoditi makanan di pasaran dunia. Walau bagaimanapun, harga minyak mentah dan komoditi makanan telah mula turun sejak Julai 2008 berikutan kelembapan ekonomi dunia. Penurunan harga ini akan menyederhanakan tekanan inflasi negara.

2. Sejak Ogos 2008, Kerajaan telahpun mengurangkan harga pam petrol dan diesel sebanyak lima kali berikutan penurunan harga minyak mentah global agar rakyat dapat menikmati manfaat daripadanya di samping mengurangkan beban inflasi bagi rakyat. Kadar inflasi negara telah mula reda daripada 8.5% pada bulan Ogos 2008 kepada 8.2% pada bulan September 2008 disumbangkan terutamanya oleh penurunan harga runcit petrol dan diesel.

Soalan No : 14

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
TAHUN 2008**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DR. MICHAEL
JEYAKUMAR DEVARAJ
(SUNGAI SIPUT)**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2008

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan identiti pihak swasta yang dipertanggungjawabkan oleh RISDA dan FELCRA untuk mengendalikan skim-skim perladangan di Sungai Siput termasuk Pos Perowor, Pos Legap, Kg. Kajang, Kg. Ulu

Chenin dan Pos Poi dan juga Kg. Pelantuk Chemor Perak.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Skim-skim perladangan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat iaitu Pos Perowor, Pos Legap, Kg. Kajang, Kg. Ulu Chenin, Pos Poi dan Kg. Pelantuk Chemor, Perak merupakan antara rancangan yang dibangunkan oleh RISDA untuk peserta-peserta orang asli di daerah Sungai Siput. Rancangan berkenaan adalah diuruskan oleh anak syarikat RISDA iaitu RISDA Plantation Sdn. Bhd (RPSB).

Manakala skim pembangunan perladangan di Sungai Siput iaitu RPS Legap dan ROA Chenin adalah diuruskan sendiri oleh FELCRA Berhad. Walau bagaimanapun, FELCRA Berhad telah menyerahkan projek tersebut kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) mulai 1 Ogos 2005.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK TIONG THAI KING
[LANANG]
TARIKH : 20 NOVEMBER 2008
RUJUKAN : 1338

SOALAN:

**Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta MENTERI DALAM
NEGERI menyatakan :-**

- (a) Bilangan pendatang asing ke negeri Sarawak mengikut negara asal masing-masing daripada tahun 2007 sehingga bulan jun 2008; dan
- (b) Bilangan pendatang tanpa izin antara jumlah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat dari Lanang yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, warganegara asing yang memasuki negara ini boleh dikategorikan kepada 2 kategori iaitu **Pendatang Asing yang sah** dan **Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI)**. Pendatang Asing yang sah adalah golongan yang memasuki negara dengan beberapa tujuan seperti melancong, belajar dan bekerja atas dokumen perjalanan yang sah. Mereka juga mendapatkan kemudahan imigresen yang bersesuaian dengan tujuan kemasukan agar tidak melanggar mana-mana Akta Imigresen 1959/63 mahupun Peraturan Imigresen 1963.

Statistik daripada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) menunjukkan jumlah pendatang asing yang masuk ke negeri Sarawak secara sah pada **tahun 2007 sehingga 30 Jun 2008** adalah seramai **1,763,425 orang**. Perincian jumlah tersebut mengikut 5 warganegara tertinggi yang masuk ke Sarawak adalah **1,202,696 orang (Brunei)**, **337,604 orang (Indonesia)**, **39,233 orang (Filipina)**, **34,894 orang (Singapura)** dan **28,126 orang (United Kingdom)**. Manakala, jumlah PATI yang ditangkap bagi tempoh yang sama pula adalah seramai **2,018 orang**.

NO: 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WEE CHOO KEONG
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2008 (KHAMIS)

SOALAN : 17

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapa Kementerian tidak mengarahkan MAHB untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap AirAsia kerana gagal membayar hutangnya berjumlah RM 110 juta termasuk '*Airport Tax*' yang telah ..dikutip daripada penumpang-penumpangnye dan memberhentikan AirAsia daripada menggunakan LCCT sehingga ia menyelesaikan pembayaran '*Airport Tax*' seperti mana tindakan yang dikenakan kepada Pelangi Air sebelum ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Persoalan berhubung hutang AirAsia kepada MAHB telah pun dijawab semasa sesi penggulungan Rang Undang-Undang Perbekalan 2009 Kementerian Pengangkutan pada 3 November 2008, di mana pihak MAHB dan AirAsia telah memaklumkan bahawa kedua-dua pihak telah mencapai jalan penyelesaian dan persetujuan dalam menangani isu pembayaran hutang tertunggak tersebut.

Oleh sebab jalan penyelesaian telah dicapai oleh kedua-dua pihak yang terlibat, maka Kementerian menganggap perkara ini telah selesai dan tidak ada sebab untuk pihak Kerajaan mengarahkan MAHB mengambil tindakan ke atas AirAsia berhubung perkara ini.

JAWAPAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN ABD. RAHMAN BIN BAKRI
(SABAK BERNAM)

TARIKH : 20 NOVEMBER 2008 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 18

Y.B. TUAN ABD. RAHMAN BIN BAKRI minta MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk membina pondok rondaan SRS Rukun Tetangga. Kalau ada, bila ianya akan dilaksanakan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua;

Tugas dan tanggungjawab menjaga keamanan dan kesejahteraan adalah tanggungjawab bersama. Kerajaan amat prihatin dan peka dengan trend jenayah hari ini dan telah menubuhkan Skim Rondaan Sukarela (SRS) terutamanya di taman-taman perumahan yang merupakan salah satu program utama di bawah Pelan Tindakan Lima Tahun Rukun Tetangga (2006-2010).

SRS mula diperkenalkan sebagai jentera masyarakat untuk membantu pihak berkuasa mencegah jenayah dan gejala sosial dan sekaligus mewujudkan persekitaran yang lebih selamat. Kini, setakat 31 Julai 2008, SRS telah mencapai bilangan 1142 buah di seluruh negara.

Tujuan utama pelaksanaan SRS adalah untuk mencegah jenayah dan menangani jégala sosial, membantu menguatkuasakan undang-undang, memberi perlindungan kepada nyawa dan harta benda, mempertingkatkan semangat kejiranan di kalangan penduduk tempatan dan memulihkan keadaan setempat menjadi aman dan sejahtera.

Pada tahun 2008, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah diberi peruntukan sebanyak RM9 juta untuk membekalkan kabin di seluruh negara. Kabin ini berperanan sebagai pos kawalan dan pusat operasi rondaan sukarela di Kawasan-Kawasan Rukun Tetangga di seluruh negara. Sebelum akhir 2008, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Kos akan mengagihkan 180 unit kabin mengikut keutamaan di seluruh negara dan bakinya akan diagihkan pada tahun 2009.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
TARIKH : 20 NOVEMBER 2008

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI menyatakan tentang permit teksi milik individu.


- (a) apakah telah ditawarkan semula setelah dibekukan sejak tahun 2004, jika sudah ditawarkan berapa permit telah dikeluarkan; dan
- (b) apakah permit baru mewajibkan penggunaan NGV.


JAWAPAN


Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah bersetuju untuk membuka semula permohonan baru bagi lesen teksi/ kereta sewa kepada individu. Selaras dengan keputusan tersebut, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah menetapkan permohonan dibuka mulai 15 Julai 2008 sehingga 14 Oktober 2008 bagi tempoh 3 bulan. Sehingga kini semua permohonan lesen teksi/ kereta sewa sedang diproses dan pemberian lesen teksi individu peringkat pertama akan dipercepatkan bagi memberi peluang kepada pengusaha yang memerlukan.

LPKP tidak mewajibkan penggunaan NGV untuk semua permit baru teksi/ kereta sewa mahupun kenderaan pengangkutan awam dan barangan. Walaubagaimanapun, Kerajaan menggalakkan pemilik kenderaan persendirian dan perdagangan memiliki dan menggunakan NGV. Antara kebaikan penggunaan NGV ialah pengekalan penjimatan penggunaan petrol sebanyak 70%, kos operasi yang rendah, tidak mencemarkan alam sekitar dan kenderaan boleh bergerak dalam jarak yang lebih jauh.


Disediakan Oleh : **BAITIYAMIN BIN MAMAT**
: No.Tel. Pejabat : 03-8880 5481
: No. H/P : 012-3157994
: Tarikh : 8 September 2008


Disemak Oleh : **NAIMAH BINTI RAMLI** 22/9/08
: No.Tel. Pejabat : 03-8880 5474
: No. H/P : 012-012-3250969
: Tarikh : September 2008


Diluluskan Oleh : **ALWI BIN HAJI IBRAHIM**
: Tarikh : 23 September 2008

NO: 20

SJ.B/(107)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON
(IPOH BARAT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.11.2008 SOALAN NO: 20

Tuan Kulasegaran a/l Murugeson (Ipoh Barat) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai pelan jangka panjang dan jangka pendek untuk wang yang diterima daripada Petronas dan berapakah yang diperuntukkan untuk negeri-negeri Kerajaan Pakatan Rakyat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, wang yang diterima daripada Petronas dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan dan seterusnya akan digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus tahunan Kerajaan seperti mana yang diluluskan oleh Parlimen dan projek-projek pembangunan yang dirancang di bawah Rancangan Lima Tahun Malaysia.

2. Jumlah peruntukan kepada negeri-negeri Kerajaan Pakatan Rakyat untuk tahun 2007 dan 2008 (setakat 31 Oktober 2008) adalah seperti berikut : -

NEGERI	Pemberian Sebenar 2007 (RM juta)	Peruntukan 2008 (setakat 31 Oktober) (RM juta)
Kelantan	270.5	210.8
Perak	327.7	246.2
Kedah	251.6	200.6
Pulau Pinang	126.9	91.4
Selangor	585.2	431.8

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
(REMBAU)**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2008 (KHAMIS)

SOALAN :

Y.B. Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan statistik bagi pusat jagaan kanak-kanak yang ditadbir dan dikelolakan oleh jabatan Kerajaan dan syarikat swasta bagi kemudahan pekerja mereka dan apakah langkah-langkah Kerajaan bagi meningkatkan jumlah pusat jagaan kanak-kanak tersebut terutama di sektor swasta.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, pusat jagaan kanak-kanak atau dikenali dengan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) merupakan suatu pusat yang menyediakan perkhidmatan penjagaan dan pengasuhan kanak-kanak berumur di bawah empat tahun.

Jumlah TASKA di tempat kerja yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sehingga kini ialah 128 buah, iaitu:

Jenis TASKA	Bilangan (sehingga Mei 2008)
TASKA di tempat kerja yang dikelolakan oleh jabatan/agensi Kerajaan	102
TASKA di tempat kerja yang dikelolakan oleh syarikat swasta	26

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat

Kerajaan telah menyediakan beberapa insentif untuk menggalakkan majikan menubuhkan TASKA di tempat kerja. Bagi TASKA di tempat kerja sektor awam, insentif yang disediakan adalah seperti berikut :-

- a. pemberian geran pelancaran *one-off* untuk menubuhkan TASKA di tempat kerja dalam sektor awam. Geran pelancaran ini telah dinaikkan daripada RM50,000 kepada RM80,000 dan diperluaskan kepada semua jabatan kerajaan mulai 1 Januari 2007; dan
- b. subsidi yuran pengasuhan maksimum RM180 sebulan (bagi setiap anak) diberikan kepada anggota perkhidmatan awam yang berpendapatan isi rumah tidak melebihi RM2,000 sebulan untuk membantu mengurangkan beban ibu bapa yang perlu menghantar anak-anak mereka ke TASKA di tempat kerja dalam sektor awam. Had kelayakan RM2,000 telah dinaikkan kepada RM3,000 sebagaimana diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2009 pada 29 Ogos yang lepas.

Manakala bagi sektor swasta, insentif yang disediakan adalah pengecualian cukai 10% setahun dalam bentuk pemberian elaun

bangunan perindustrian selama 10 tahun bagi pembinaan atau pengubahsuaian bangunan untuk kemudahan TASKA. Kemudahan ini diberi mulai tahun taksiran 1994 lagi. Selain itu, usaha terus dibuat oleh Kementerian ini untuk menggalakkan sektor swasta menyediakan lebih banyak TASKA di tempat kerja ataupun di kawasan kediaman melalui perbincangan dan dialog dengan pihak majikan sektor swasta.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2008

SOALAN :

**Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI
SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan :-**

- (a) apakah kesan-kesan terhadap alam sekitar di Taman Negara Mulu berikutan pembinaan Empangan Tutoh yang akan mengambil sebahagian dari kawasan Taman Negara tersebut ; dan
- (b) bagaimana ia menjejaskan status taman tersebut sebagai salah satu tapak Unesco World Heritage Site.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek pembinaan Empangan Tutoh di Sarawak merupakan salah satu daripada duabelas (12) cadangan projek untuk penjanaan tenaga hidroelektrik oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA - *Environmental Impact Assessment*) bagi cadangan projek ini adalah tertakluk di bawah Perintah Sumber Asli dan Persekitaran (Aktiviti Yang Ditetapkan) 1994 dan adalah dalam bidang kuasa Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar, Negeri Sarawak (NREB - Natural Resources and Environment Board Sarawak).

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 23

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Datuk Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

TARIKH : 20 November 2008

SOALAN : Datuk Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-

Senarai tanaman/produk yang dianggap 'kritikal' untuk keselamatan negara dan apakah langkah-langkah diambil oleh kerajaan untuk menjamin pengeluaran tanaman tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Diantara tanaman yang dianggap 'kritikal' untuk keselamatan negara adalah padi. Ini adalah kerana beras merupakan makanan utama penduduk di negara ini.

Untuk menjamin pengeluaran padi dan beras yang mencukupi, langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memastikan industri padi dan beras dapat dipertingkatkan adalah seperti berikut:

1. Meningkatkan harga minimum padi daripada RM650/MT kepada 750/MT. Langkah ini membantu petani meningkatkan pendapatan dan secara tidak langsung memberi dorongan kepada petani supaya lebih berdaya saing dalam industri padi dan beras ini.
2. Memberi bantuan kepada petani-petani kecil dari segi bantuan subsidi dan insentif. Senarai subsidi dan insentif yang diberikan oleh Kerajaan adalah seperti berikut:
 - (i) Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dengan kadar RM 417.93/ hektar bersamaan dengan 13 beg sebatian (beg/20 kg) dan 5 beg Urea (beg/20 kg);

- (ii) Subsidi Harga Padi sebanyak RM248.10/ MT;
 - (iii) Insentif Peningkatan Hasil sebanyak RM650/ MT; dan
 - (iv) Insentif Pengeluaran Padi:
 - Skim bantuan Input pertanian RM140/ ha
 - Skim bantuan pembajakan RM100/ ha
3. Selain daripada subsidi dan insentif ini, Kerajaan melalui BERNAS telah melaksanakan Skim Pusat Belian (SPB) yang bertujuan membantu pengilang-pengilang bumiputera supaya lebih kompetitif dan berdaya saing dalam industri beras negara. Melalui skim ini, pengilang-pengilang bumiputera yang berpotensi akan disediakan kemudahan kewangan dan kapasiti tambahan dalam menguruskan padi.
4. Di bawah Dasar Jaminan Makanan Negara, beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan dalam usaha memastikan bekalan beras negara mencukupi. Langkah jangka pendek dan jangka panjang yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

Program Jangka Pendek

- (i) Penyelenggaraan Infrastruktur Pengairan Dan Saliran
- (ii) Perataan Tanah Sawah
- (iii) Peningkatan Kesuburan Tanah
 - Input Pertanian – Kapur
 - Input Pertanian – Baja NPK

- (v) Kawalan Makhluk Perosak
- (vi) Subsidi dan Insentif
- (vii) Pemilikan Jentera Dan Mekanisasi Ladang
- (viii) Penyelidikan dan pembangunan

Program Jangka Panjang

- (i) Pembangunan Infrastruktur Pengairan Dan Saliran

No: 24

SJ.B/(104)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB
(KUBANG KERIAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.11.2008 SOALAN NO: 24

Tuan Salahuddin bin Haji Ayub (Kubang Kerian) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah projek dan nilainya yang diluluskan sejak RMK-9 dilancarkan hingga ke hari ini dan adakah Kerajaan masih mengamalkan dasar tender rundingan terus atau telah mengamalkan tender secara terbuka.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah perbelanjaan bagi projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sembilan setakat 30 September 2008 adalah RM103.2 bilion. Ini melibatkan 20,355 projek yang telah mula dilaksanakan.

2. Seperti yang telah dinyatakan oleh YAB Menteri Kewangan pada ucapan penggulungan Bajet 2009 pada 4 November yang lalu, Kerajaan akan memastikan bahawa perolehan Kerajaan akan dilaksanakan melalui proses tender untuk memastikan ketelusan dan "value for money" dalam perolehan Kerajaan serta membina keupayaan dan daya saing para kontraktor dan pembekal.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN
[KULIM BANDAR BARU]
TARIKH : 20 NOVEMBER 2008
RUJUKAN : 1335

SOALAN:

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a) berapakah jumlah banduan yang dihukum dengan hukuman penjara sepanjang hayat dan sila berikan butir nama, sabitan kesalahan dan sejak bila menjalani hukuman ; dan

(b) apakah ruang yang ada untuk pembebasan mereka dan adakah mereka layak menerima keampunan dan bagaimana prosesnya.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Ahli Yang Berhormat daripada Kulim Bandar Baru** yang telah mengemukakan pertanyaan.

- (a) Mengikut data dari Jabatan Penjara yang berakhir pada 2 September 2008, terdapat seramai 79 orang banduan hukuman seumur hayat atau natural life di seluruh negara. Mereka terlibat dengan berbagai kesalahan di bawah Akta Senjatapi 56 orang, Akta Dadah Merbahaya 6 orang dan Kanun Kesiksaan: membunuh 2 orang serta menderhaka kepada Agong 15 orang.

Daripada jumlah ini, seramai 8 orang pada asalnya dikenakan hukuman mati tetapi diberikan peringanan hukuman kepada penjara penjara seumur hayat oleh Lembaga Pengampunan Negeri.

Tempoh hukuman penjara yang telah di lalui oleh banduan seumur hayat berkeenaan seperti berikut;

- i. Kurang dari 5 tahun - 18 orang
- ii. 5 hingga kurang 10 tahun - 25 orang
- iii. 10 hingga kurang 15 tahun - 15 orang
- iv. lebih 15 tahun - 21 orang

(b) Undang-undang dan Peraturan yang ada memberi peluang kepada banduan berkeenaan untuk dipertimbangkan pembebasan atau peringanan hukuman oleh Lembaga Pengampunan Negeri iaitu selaras dengan Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan serta Peraturan 54 dan 113 Peraturan-Peraturan Penjara 2000. Data Jabatan Penjara semenjak tahun 2000 sehingga 2008 menunjukkan seramai 15 orang banduan seumur hayat telah diberikan pengampunan oleh Lembaga Pengampunan Negeri dimana 13 daripada mereka

diperintah untuk dibebaskan serta merta dan bakinya diberikan hukuman yang lebih ringan

Proses yang terlibat untuk mengemukakan Laporan Kajian Hukuman dan Petisyen bagi maksud pertimbangan selanjutnya oleh Lembaga Pengampunan Negeri adalah seperti berikut;

- i. Berdasarkan Peraturan 54, Peraturan-Peraturan Penjara 2000 pihak penjara akan mengemukakan Buku Laporan Kajian Hukuman 4 Tahun Sekali untuk banduan seumur hayat kepada Lembaga Pengampunan Negeri dalam tempoh 4 tahun, 8 tahun, 12 tahun, 16 tahun dan setiap tahun selepas itu.
- ii. Peraturan 113, Peraturan-Peraturan Penjara 2000 membolehkan banduan seumur hayat membuat petisyen berhubung kesalahan dan hukumannya

kepada Seri Paduka Baginda yang di-Pertuan Agong atau Sultan atau Tuan Yang Terutama. Petisyen tersebut boleh dibuat oleh banduan sendiri atau peguam atau keluarga atau pihak kedutaan mengikut tempoh dan syarat yang ditetapkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF
[BALIK PULAU]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2008 [KHAMIS]

SOALAN:

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff (Balik Pulau) minta
PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- (a) Langkah-langkah yang telah dan akan dilakukan untuk mengurangkan kuasa Peguam Negara dan mewujudkan penyeimbangan kuasa yang lebih telus dan adil (check and balance); dan
- (b) Sama ada artikel 145(3) Perlembagaan Persekutuan akan dipinda memberi lebih banyak agensi lain kuasa pendakwaan sendiri tanpa rujukan kepada Peguam Negara, selain daripada Badan Pencegah Rasuah.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Kuasa Peguam Negara jelas termaktub di dalam Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan. Fasal (2) Perkara 145 menyatakan tanggung jawab Peguam negara sebagai penasihat undang-undang kepada Yang di-Pertuan Agung dan Kerajaan. Fasal (2) Perkara 145 memperuntukkan bahawa "Menjadi kewajipan Peguam Negara menasihati Yang di-Pertuan Agung atau Jemaah Menteri atau mana-mana Menteri mengenai apa-apa perkara undang-undang, dan melaksanakan apa-apa tugas lain yang bersifat undang-undang, yang dari semasa ke semasa dirujuk atau ditugaskan kepadanya oleh Yang di-Pertuan Agung atau Jemaah Menteri, dan menunaikan fungsi yang diberikan kepadanya oleh atau di bawah Perlembagaan ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain".

Fasal (3) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan menyatakan tanggung jawab Peguam Negara sebagai Pendakwa Raya. Kuasa mendakwa yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan telah ditakrifkan oleh Mahkamah sebagai kuasa yang mutlak di mana hanya "Peguam Negara hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya, untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan, selain prosiding di hadapan mahkamah Syariah, mahkamah anak negeri atau mahkamah tentera".

Dalam menjalankan tugasnya, skop kuasa Peguam Negara boleh diseimbangi oleh pemerhatian Jemaah Menteri, Parlimen dan rakyat. Seseorang Peguam Negara perlu memberi penjelasan tentang rekod penggunaan kuasanya jika diminta oleh Jemaah Menteri. Parlimen juga boleh meminta penjelasan mengenai perjalanan kuasa oleh Peguam Negara. Secara pentadbiran Jabatan Peguam Negara diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Peguam Negara pula adalah seorang pegawai awam daripada Skim Perkhidmatan dan Kehakiman dan adalah bertanggung jawab kepada Jemaah Menteri, Parlimen dan rakyat.

Fasal (3) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan tidak perlu dipinda untuk memberi agensi lain kuasa pendakwaan tanpa rujukan kepada Peguam Negara. Jika didapati perlu di masa hadapan, penurunan kuasa ini boleh dilakukan oleh Peguam Negara sepertimana telah dibuat bagi Timbalan Pendakwa Raya di Badan Pencegah Rasuah. Pemantauan amat diperlukan oleh Peguam Negara bagi memastikan bahawa pendakwaan adalah adil dan saksama sebab Peguam Negara juga merupakan pelindung hak rakyat. Oleh ini, kuasa pendakwaan agensi lain hendaklah terus dipantau oleh Peguam Negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN KARPAL SINGH

TARIKH : 20 NOVEMBER 2008 [KHAMIS]

SOALAN:

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta PERDANA MENTERI menyatakan kriteria yang telah digunakan untuk menentukan kenaikan pangkat hakim Mahkamah Persekutuan Rayuan dan Mahkamah Persekutuan dan sama ada formula yang telah digunakan berjaya dalam memastikan kelayakan hakim untuk kenaikan pangkat.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada formula tertentu yang digunakan. Kriteria yang dipertimbangkan untuk tujuan kenaikan pangkat hakim-hakim Mahkamah Persekutuan dan Rayuan adalah kekananan, integriti, pengalaman dan alasan penghakiman yang telah diselesaikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT KEDUA BELAS MESYUARAT KEDUA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Tuan Azan Bin Ismail (Indera Mahkota)
TARIKH : 20 November 2008

SOALAN : Y.B. Tuan Azan Bin Ismail (Indera Mahkota)

minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan berapakah jumlah kerugian hasil Kerajaan dalam bentuk eksport produk pertanian semenjak tahun 2006 berikutan masalah pengurusan pihak negara-negara pengimport seperti di EU serta langkah-langkah untuk penyelesaiannya.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Semenjak tahun 2006, jumlah eksport produk pertanian negara ke EU adalah melebihi jumlah import. Diantara produk utama eksport ke EU adalah ikan dan hasilan ikan yang mana pada tahun 2006, jumlah eksport hasilan ikan yang terdiri dari sotong (*cephalopods*) dan udang beku adalah 43,000 metrik tan yang bernilai RM590 juta dan pada tahun 2007 eksport telah meningkat kepada 45,660 metrik tan dengan nilai RM600 juta. Manakala eksport ikan hiasan pada tahun 2005 berjumlah 35.6 juta ekor dengan nilai RM29.3 juta. Jumlah ini telah meningkat kepada 127 juta ekor dengan nilai RM105.5 juta pada tahun 2007.

Pada 8 hingga 18 April 2008, satu pasukan *Food Veterinary Offices European Union* (FVO EU) telah menjalankan misi pemeriksaan di Malaysia untuk membuat pengauditan ke atas Kementerian Kesihatan, Jabatan Perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan (LKIM) yang diiktiraf sebagai *Competent Authorities* (CA) yang bertanggungjawab kepada pengawalan pengeluaran ikan dan hasilan ikan di sepanjang rantai pengeluaran. Tujuan misi pemeriksaan ini adalah untuk menilai kemampuan dan keupayaan CA dapat menjamin ikan dan hasilan ikan yang dieksport mematuhi keperluan EU terutamanya dari aspek keselamatan makanan dan kesihatan ikan.

Susulan kepada misi pengauditan FVO EU tersebut, Malaysia telah menawarkan diri untuk menghentikan secara sukarela pengeksportan makanan laut ke EU berdasarkan kepada keputusan pemeriksaan FVO EU yang mana terdapat ketidakpatuhan pihak berwajib di sepanjang rangkaian pengeluaran kepada keperluan-keperluan peraturan EU sebagaimana yang telah ditetapkan.

Pemberhentian import ikan dan hasil ikan dari Malaysia membawa kepada kehilangan pasaran bagi ikan dan hasil ikan ke *EU* bernilai RM600 juta bagi hasil ikan dan RM106 juta bagi ikan hiasan setahun.

Susulan dari pemberhentian eksport tersebut, MOH, DOF dan LKIM telah membentangkan kertas kabinet untuk menyelesaikan dan melaksanakan pematuhan piawaian import yang telah ditetapkan oleh pihak EU.

Secara dasarnya pihak kabinet telah meluluskan permohonan:

- i. Penyediaan pinjaman modal sebanyak RM 1.5 Billion bagi mengurangkan impak kerugian yang hadapi oleh industri.
- ii. Pengisian 84 jawatan sediada dan tambahan 1282 jawatan baru untuk CA melaksanakan tugas-tugas dan pemantauan pematuhan piawaian eksport ke EU.

- iii. Peruntukan RM 197 juta kepada CA untuk menyediakan infra dan khidmat sokongan yang diperlukan.

Pihak MOH juga telah memohon penanguhan untuk kunjungan audit kali ke dua daripada EU yang dijadualkan pada 14-23 Oktober 2008 bagi memastikan semua peraturan yang ditetapkan telah benar benar dilaksanakan dan dapat dipatuhi oleh CA dan pihak industri.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTIH]

TARIKH : 20 NOVEMBER 2008 [KHAMIS]

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputih) minta PERDANA MENTERI menyatakan peranan dan program yang akan diadakan oleh Penasihat Jantina yang dipegang oleh Dato' Seri Shahrizat Jalil. Macam manakah Kerajaan mengatasi masalah pertindihan kuasa di antara kuasa beliau dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Penasihat Hal Ehwal Pembangunan Wanita dan Sosial kepada YAB Perdana Menteri bertanggungjawab secara keseluruhannya untuk menasihatkan YAB Perdana Menteri mengenai perlaksanaan program-program hal ehwal pembangunan wanita dan sosial dengan pengkhususan untuk mengenalpasti isu-isu dan juga program-program yang membabitkan wanita dan keluarga Islam dan mengesyorkan dasar untuk menangani isu-isu tersebut.

Pejabat Penasihat Pembangunan Wanita dan Sosial kepada YAB Perdana Menteri akan bekerjasama dengan semua Kementerian terutama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, JAKIM, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia serta agensi-agensi lain untuk menjalankan program-program yang bersesuaian dan mengelak berlakunya masalah pertindihan kerja.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN :** Lisan
- DARIPADA :** Y.B. Dato' Haji Ab Halim Bin Ab. Rahman
[Pengkalan Chepa]
- TARIKH :** 20 November 2008 (Khamis)
- SOALAN :** Y.B. Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-

Apakah langkah-langkah untuk mengubah sikap (petani dan penternak pasif serta pegawai pertanian yang tidak komited) dan adakah Kementerian merasakan peruntukan yang disediakan telah mencukupi supaya projek-projek pertanian di luar bandar benar-benar berjaya.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Perubahan sikap seseorang mengambil masa yang panjang dan memerlukan usaha yang berterusan. Kementerian melalui agensi dan jabatan di bawah Kementerian telah melaksanakan pelbagai program-program sumber manusia sebagai langkah untuk mengubah sikap golongan sasaran. Ini termasuklah mengadakan kursus-kursus dan latihan motivasi, lawatan sambil belajar ke tempat projek-projek maju, memberi kursus-kursus teknikal, pengurusan projek dan keusahawanan serta memberi khidmat nasihat melalui agen-agen pengembangan.

Di dalam hal ini tidak dinafikan bahawa pegawai-pegawai dan kakitangan di jabatan dan agensi Kementerian ini telah memberi sumbangan penting di dalam membangunkan masyarakat petani, penternak dan nelayan serta para usahawan pertanian. Sungguhpun demikian Kementerian ini sedar dan mengakui masih terdapat kekurangan di dalam sistem penyampaian yang diamalkan pada masa kini. Langkah memperkemas dan memperkukuhkan sistem penyampaian yang telah pun lama

dimulakan dan akan diteruskan meliputi usaha-usaha seperti menambah bilangan pegawai, penyusunan semula organisasi di peringkat persekutuan dan negeri dan mempertingkatkan kompetensi pegawai termasuk dari segi teknikal, keupayaan meningkatkan motivasi dan bekerja dengan masyarakat. Latihan secara hansom, kursus-kursus formal dan mandatori yang wajib dihadiri akan diteruskan.

Tuan Yang DiPertua,

Pada tahun 2008, Kementerian telah diperuntukkan sebanyak RM1.83 bilion peruntukan pembangunan dan RM5.03 bilion peruntukan untuk perbelanjaan mengurus. Dari jumlah tersebut sebanyak RM3.542 bilion telah diperuntukkan kepada pelbagai jabatan dan agensi di bawah Kementerian bagi melaksanakan pembangunan sektor pertanian di kawasan luar bandar.

Kementerian berpandangan berasaskan kepada kapasiti jabatan dan agensi, peruntukan yang diberikan adalah memadai bagi melaksanakan program-program peningkatan pengeluaran komoditi-komoditi pertanian makanan yang dirancang. Bagaimanapun bagi mencapai hasrat Kerajaan menjadikan sektor

pertanian satu sektor yang moden, maju dan membangun dengan pantas untuk menjadi satu dari penjana utama ekonomi negara adalah memerlukan peruntukan yang amat besar. Ini termasuklah keperluan peruntukan untuk mengadakan penyelidikan (R&D), infrastruktur yang mencukupi dan moden, mekanisasi, rangkaian pemasaran dan promosi serta latihan kemahiran pertanian.

SULIT

NO: 31

LAMPIRAN N

SOALAN 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MATULIDI BIN JUSOH
[DUNGUN]

TARIKH : 20 NOVEMBER 2008

SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:

adakah Kementerian akan menyediakan sejumlah peruntukan bagi menyediakan kemudahn-kemudahan asas (Facilities) seperti rumah tumpangan, resort di kawasan rimba Bandar Bukit Bauk, Dungun dan di kawasan Air terjun Chemerong Hulu Dungun kerana kedua-dua tempat tersebut adalah berpotensi untuk kawasan pelancongan.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe9), Kementerian Pelancongan telah memperuntukkan sejumlah RM2.4 juta kepada negeri Terengganu bagi menaik taraf kemudahan infrastruktur pelancongan di sekitar daerah Dungun. Projek-projek yang dilaksanakan ialah projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Sepanjang Pantai Kuala Dungun dan projek Peningkatan Kemudahan Asas Hutan Lipur Cemerung, Dungun, Terengganu.

Bagi projek Peningkatan Kemudahan Asas Hutan Lipur Cemerung, Dungun, Terengganu, Kementerian Pelancongan telah memperuntukkan RM2.89 juta kepada Negeri Terengganu di bawah RMKe8 dan RM917,000.00 di bawah RMKe9 bagi membangunkan kemudahan infrastruktur pelancongan di sekitar kawasan berkenaan. Antara komponen yang dibangunkan adalah pusat penerangan (pejabat, kiosk, kantin, kaunter tiket dan simpanan beg, bilik rawatan), surau, tandas awam, Sub-stesen TNB, pondok pengawal, tangki air, laluan pejalan

SULIT

SULIT

kaki, menara tinjau, jambatan gantung dan wakaf. Projek ini telah siap sepenuhnya pada 26 Ogos 2006.

Bagi kawasan rimba Bandar Bukit Bauk, Dungun, pada masa ini Kementerian Pelancongan belum mempunyai cadangan menaik taraf kawasan berkenaan. Kementerian berpendapat pembangunan sesuatu kawasan sama ada untuk tujuan pelancongan atau pun lain-lain tujuan pembangunan di sebuah negeri, hendaklah diterajui atau dibuat oleh kerajaan negeri yang berkenaan terlebih dahulu dengan penglibatan pihak swasta. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat cadangan daripada Kerajaan Negeri Terengganu dan kawasan tersebut mempunyai potensi pelancongan, Kementerian sedia membantu dan menimbang permohonan projek bagi kawasan berkenaan di masa akan datang.

SULIT

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : Y. B. Tuan Manikavasagam A/L Sundaram
[Kapar]

TARIKH : 20 November 2008 (Khamis)

SOALAN : Y. B. Tuan Manikavasagam A/L Sundaram

[Kapar] meminta **MENTERI PERTANIAN**

DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan :

Berapakah jumlah nelayan dan petani di negeri Selangor dan berapakah jumlah bantuan yang disalurkan kepada mereka bagi tahun 2005, 2006 dan 2007 dan apakah keberkesanannya.

INPUT JAWAPAN:

Jumlah petani yang telah diberi bantuan melalui Projek Jabatan Pertanian Negeri Selangor adalah seramai 10,398 orang yang terdiri daripada penanam padi, buah-buahan, sayur-sayuran dan projek industri asas tani. Jumlah bantuan yang disalurkan kepada mereka adalah sebanyak RM64,934,525 dimana pada tahun 2005 sebanyak RM19,709,435 diberikan, tahun 2006 sebanyak RM24,131,690 dan tahun 2007 adalah sebanyak RM21,093,400. Bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan telah berjaya meningkatkan pendapatan petani secara keseluruhannya.

Pengeluaran hasil pertanian bagi Negeri Selangor pada tahun 2007 berjumlah 283,616 metrik tan berbanding dengan hanya 217,568 metrik tan pada tahun 2005. Bagi pendapatan petani pula telah meningkat sebanyak RM3,700 dalam tahun 2007 berbanding dengan hanya RM2,200 bagi tahun 2005.

Manakala bilangan nelayan yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan di negeri Selangor adalah 5,347 orang sehingga bulan Jun 2008.

Bantuan diesel subsidi dimulakan pada 1 Januari 2006 manakala bantuan petrol subsidi dimulakan pada 1 Jun 2006. Jumlah bantuan diesel dan petrol bersubsidi yang disalurkan kepada nelayan Negeri Selangor dari tahun 2006 hingga 2007 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Petrol Bersubsidi (liter)	Jumlah Diesel Bersubsidi (liter)	Jumlah (liter)
2006	7,450,926	106,067,528	113,518,454
2007	9,689,205	102,235,560	111,924,765
	17,140,131	208,303,088	225,443,219

Pemberian bantuan ini telah memberi kesan dari segi hasil pendaratan ikan yang didaratkan di Negeri Selangor iaitu dari 74,141 MT pada Tahun 2005 kepada 109,251 MT pada Tahun 2007. Peningkatan hasil pendaratan ini secara langsung menjurus kepada peningkatan pendapatan kepada nelayan.